

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN**

**REAKSI PENDUDUK SABAH KE ATAS PENUBUHAN MALAYSIA  
1961-1963**

**MOHD. SOHAIMI ESA**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## Reaksi Penduduk Sabah Terhadap Penubuhan Malaysia (1961–1963)

Nama : Mohd. Sohaimi Esa  
No. Pekerja : 980309-353  
Sekolah : Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Ruj. Kelulusan: 62/98

### Bab 1: Sinopsis

Penyelidikan ini berusaha untuk menilai reaksi penduduk Sabah ke atas penubuhan Malaysia bermula dari tarikh idea ini dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman, 27 Mei 1961 sehingga terbentuknya Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Reaksi penduduk negeri ini dilihat dari segi penentangan atau menyokong secara bersyarat atau menyokong sepenuhnya ke atas gagasan tersebut. Reaksi awal menunjukkan penduduk Sabah menentang gagasan ini sebagaimana suara-suara daripada para pemimpin masyarakat dan laporan yang terdapat dalam akhbar-akhbar tempatan. Walau bagaimanapun, setelah ditubuhkan beberapa jawatankuasa khas untuk merealisasikan penubuhan Malaysia didapati sokongan telah diberikan oleh penduduk negeri ini sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya Cobbold dan Suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Rentetan peristiwa berkenaan telah dilaporkan dan diulas oleh pengarang akhbar-akhbar tempatan, antaranya *North Borneo News and Sabah Times*.